



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MASJID JAMEK PUTRA MASJID TANAH, MELAKA

PADA

**17 MEI 2019 [JUMAAT]
BERSAMAAN 12 RAMADAN 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

MASJID JAMEK PUTRA MASJID TANAH, MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA DR. MOHD KHALIL BIN YAAKOB;
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN ADLY BIN ZAHARI; KETUA MENTERI MELAKA.

YANG BERHORMAT DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF; MENTERI
PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA.

YANG BERHORMAT DATUK WIRA OMAR BIN JAAFAR; SPEAKER DEWAN UNDANGAN
NEGERI MELAKA.

YANG BERHORMAT DATO' HASIM BIN HASAN; SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
MELAKA.

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS KERAJAAN NEGERI.

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT.

KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH. BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA
KERANA DENGAN LIMPAN DAN INAYAH-NYA DAPAT SAYA BERANGKAT HADIR KE
MAJLIS PERASMIAN DAN PEMASYHURAN NAMA BARU MASJID JAMEK PUTRA
MASJID TANAH.

SAYA TELAH DISEMBAH MAKLUM BAHAWA MASJID INI TELAH MULA DIBINA PADA TAHUN 2015 DAN TELAH SIAP SEPENUHNYA PADA BULAN SEPTEMBER 2017. SAYA INGIN MERAKAMKAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN NEGERI MELAKA YANG MERANCANG DAN MEMBINA MASJID INI UNTUK KEGUNAAN JEMAAH DAN RAKYAT JELATA.

DENGAN TERBINANYA MASJID INI, MAKA ADALAH MENJADI KEWAJIPAN UNTUK JEMAAH DAN MASYARAKAT SETEMPAT UNTUK MENGIMARAH DAN MEMAKMURKAN MASJID INI. AMANAH INI BUKAN HANYA TERLETAK DI BAHU KEPIMPINAN DAN PIHAK PENGURUSAN MASJID.

SEBALIKNYA, SELURUH LAPISAN UMAT ISLAM ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMIKUL AMANAH MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN INSTITUSI MASJID SEBAGAI PUSAT YANG DIASASKAN ATAS PRINSIP IMAN DAN TAQWA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

SELAMA 2 HARI BERMULA DARI SEMALAM; SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG TELAH BERANGKAT DALAM SESI LAWATAN KERJA KE NEGERI MELAKA YANG BERSEJARAH INI.

ALHAMDULILLAH; SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG MERASA SANGAT BERSYUKUR DAN GEMBIRA DENGAN KERAMAHAN SERTA SAMBUTAN RAKYAT DI NEGERI MELAKA. JELASNYA, NEGERI MELAKA INI BUKAN LAH HANYA TERKENAL DENGAN MASAKAN ASAM PEDAS. NEGERI MELAKA INI BOLEH JUGA DIKENALI MENERUSI KERAMAHAN KEPELBAGAIAN RAKYAT NYA.

LAWATAN KERJA SAYA KE NEGERI MELAKA MENJADI LEBIH INDAH DAN MEMBAWA SERIBU KENANGAN APABILA MASJID JAMEK PUTRA YANG TERSERGAM INDAH INI; BAKAL DI MASYHURKAN DENGAN NAMA "MASJID AL-SULTAN ABDULLAH."

INI ADALAH MERUPAKAN SATU PENGHORMATAN YANG TIADA NILAI BANDINGANNYA SERTA SANGAT BERMAKNA KEPADA SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG.

SEHUBUNGAN ITU, SEKALUNG PENGHARGAAN DAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH SAYA RAKAMKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI MELAKA DAN SELURUH RAKYAT NEGERI MELAKA ATAS PENGHORMATAN INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

SEBELUM SAYA MENGAKHIRI TITAH; SAYA INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA; YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI MELAKA; AGENSI-AGENSI KERAJAAN NEGERI DAN SELURUH RAKYAT MELAKA YANG TELAH MENJAYAKAN LAWATAN KERJA SAYA KE NEGERI MELAKA.

SEPERTIMANA NAMA NEGERI MELAKA BERSEJARAH; MAKA LAWATAN KERJA SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG TURUT MENINGGALKAN SEJARAH YANG BAKAL TERPAHAT SEGAR BUAT SELAMANYA.

MARILAH SAMA-SAMA KITA BERDOA AGAR NEGERI MELAKA SERTA RAKYATNYA DAN NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI AKAN TERUS DIPELIHARA DAN DILINDUNGI ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

MAKA; DENGAN LAFAZ BISMILLAHHIRRAHMAN NIRRAHIM; SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMI DAN MEMASYHURKAN MASJID AL-SULTAN ABDULLAH.

SEKIAN.